Pilih **Simpulan Bahasa** yang sesuai bagi ayat di bawah:

bulat kata	angkat bakul	bermandi peluh	ada hati	buah tangan
khabar angin	ikat perut	bergadai nyawa	banyak mulut	alas perut

1. Jamal _____ hendak meminang anak hartawan itu.

2. Amirah makan sekeping roti sebagai _____.

3. Encik Ganesh sering _____ apabila bercerita tentang kehebatan dirinya.

4. Sikap Mona yang _____ itu tidak disenangi oleh rakan sekelasnya.

5. Para doktor sanggup _____ bagi merawat pesakit COVID-19.

6. Setiap kali ke luar negara, ayah pasti membawa pulang _____ untuk kami.

7. Penduduk kampung ini sudah _____untuk bergotong royong membersihkan kawasan kampung pada minggu hadapan.

8. Khairul terpaksa _____ di sekolah kerana ayahnya tidak mampu memberikan wang saku kepadanya.

9. Sejak dia menghilangkan diri dari kampung,berbagai-bagai _____ tersebar tentang dirinya.

10. Setiap hari Pak Cik Salim _____ mengusahakan kebun sayurnya.

LIVEWORKSHEETS